

---

**ARAHAN PENTADBIRAN**

**ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN  
PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN**

---

**TUJUAN**

1. Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) mengenai penyelarasan dan penyeragaman Arahan Kerja dari rumah berikutan **Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan.**

**PUNCA-PUNCA ARAHAN**

2. Terdapat **TIGA (3)** punca arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang menjadi panduan dan perlu dipatuhi iaitu:
  - a) Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa 18 Mac hingga 31 Mac 2020 (14 hari) yang diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri pada tarikh 16 Mac 2020;
  - b) Arahan Berkerja Dari Rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada tarikh 17 Mac 2020; dan
  - c) Keputusan Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara Bersama Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan bertarikh 17 Mac 2020.

## LATAR BELAKANG

3. YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan **“Perintah Kawalan Pergerakan”** pada 16 Mac 2020 selama 14 hari iaitu bermula dari jam 12.00 malam 18 Mac 2020 sehingga 12.00 malam 31 Mac 2020. Perintah ini terpakai untuk semua penduduk Malaysia termasuk Penjawat Awam.
4. Susulan dari Arahan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan **“Arahan Berkerja Dari Rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan”** telah dikeluarkan pada tarikh 17 Mac 2020. Arahan ini memberi panduan yang mewajibkan penjawat awam berkerja dari rumah ekoran penutupan premis kerajaan yang *non-essential* termasuk Jabatan Penerangan Malaysia.
5. Keputusan Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara Bersama Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan yang diadakan pada 17 Mac 2020 telah menjelaskan aspek kawalan keselamatan pejabat dan hal-hal berkaitan dengan pengurusan Jabatan dan Agensi yang dijadikan panduan dan dipatuhi.

## KAEDAH PELAKSANAAN

6. Semua pejabat JaPen **DITUTUP MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020** meliputi:
  - a) Ibu Pejabat di Putrajaya
  - b) Pejabat Penerangan Negeri
  - c) Pejabat Penerangan Daerah / Pusat Maklumat Rakyat; dan

- d) Pejabat Penerangan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)
7. Semua pegawai dan kakitangan JaPen perlu **BEKERJA DARI RUMAH** dan bersiap sedia untuk **HADIR KE PEJABAT JIKA TERDAPAT KEPERLUAN DAN ARAHAN.**
8. Walau bagaimanapun, **PEGAWAI DAN KAKITANGAN PENTING** yang terlibat dalam **JAWATANKUASA PENGURUSAN KRISIS WABAK COVID-19 SAMA ADA DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI DIBOLEHKAN HADIR** ke pejabat mengikut kesesuaian hari, masa dan jumlah pegawai. Namun begitu, kawalan dalaman perlu dibuat dalam memastikan jumlah **KEHADIRAN PEGAWAI ADALAH MINIMA** dan dibolehkan mengikut sistem penggiliran serta tertakluk kepada situasi dan kesesuaian negeri masing-masing.
9. Pegawai dan kakitangan dari Bahagian / Unit Kewangan yang terlibat **DIWAJIBKAN HADIR KE PEJABAT** bagi menyelesaikan semua urusan pembayaran dan Pengarah Penerangan Bahagian / Negeri boleh membuat kawalan dalaman dari aspek kesesuaian hari, masa dan jumlah pegawai yang diperlukan.

## **PENURUNAN KUASA KELULUSAN ARAHAN BERTUGAS**

10. Ketua Pengarah Penerangan dengan ini **MENURUNKAN KUASA KELULUSAN** arahan bertugas dalam tempoh Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (18 Mac hingga 31 Mac 2020) kepada:
  - a) **Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik)**
  - b) **Timbalan Ketua Pengarah (Kandungan Digital)**
  - c) **Pengarah-Pengarah Penerangan Bahagian; dan**
  - d) **Pengarah-Pengarah Penerangan Negeri**
11. Kuasa kelulusan arahan bertugas ini akan **TERBATAL** apabila tempoh Arahan Perintah Kawalan Pergerakan tamat (31 Mac 2020 jam 12.00 malam) **ATAU** terdapat arahan baharu dari pihak Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkara ini.

## **TANGGUNGJAWAB PENGARAH PENERANGAN BAHAGIAN / NEGERI**

12. Pengarah Penerangan Bahagian / Negeri perlu **MENGENALPASTI PEGAWAI** dan kakitangan JaPen yang akan bertugas di pejabat dalam tempoh Arahan Perintah Kawalan Pergerakan.
13. Pengarah Penerangan Bahagian / Negeri perlu mengeluarkan **SURAT KEBENARAN** kepada pegawai dan kakitangan yang akan bertugas di pejabat dan melaksanakan kerja-kerja yang ditentukan.

14. Pengarah Penerangan Bahagian / Negeri dikehendaki menghantar senarai nama pegawai dan kakitangan yang diarah bertugas serta, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan jadual tugas kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Ibu Pejabat bagi tujuan rekod (Lampiran A).
15. Semua pegawai dan kakitangan yang diarah bertugas perlu mempunyai surat kelulusan sepanjang masa bagi memudahkan pergerakan dari rumah ke pejabat dan dalam premis pejabat.

#### **TARIKH KUATKUASA**

16. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh dikeluarkan.

#### **PEMAKAIAN**

17. Arahan Pentadbiran ini diguna pakai oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Malaysia.

**(ROSELINDAWATI BINTI ABDUL RAHMAN)**

Ketua Pengarah

Jabatan Penerangan Malaysia

Tarikh: 17 Mac 20

**SENARAI PEGAWAI YANG DIARAHKAN BERTUGAS DI PEJABAT JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SEMASA  
TEMPOH ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKUATKUASA**

**BAHAGIAN / NEGERI** : \_\_\_\_\_

**TARIKH BERTUGAS** : \_\_\_\_\_

<b>BIL.</b>	<b>NAMA DAN JAWATAN</b>	<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	<b>NO. TELEFON BIMBIT</b>	<b>TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB</b>

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
 Nama :  
 Jawatan :

6 \_\_\_\_\_  
 Nama :  
 Jawatan :